

Personel Wanita Dalam Industri Pembinaan: Bentuk Dan Kesan Gangguan Seksual Dari Aspek Fizikal, Mental Dan Psikologi

**Aryani Ahmad Latiffi^{1,*}, Siti Syakirah Mat Nawi¹ &
Kamalludin Bilal²**

¹Department of Construction Management, Faculty of Technology Management & Business,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400,
MALAYSIA

²Lotus Design & Services, Taman Pulai Hijauan, Kangkar Pulai, Johor, 81110,
MALAYSIA

*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2020.01.01.048>

Received 30 September 2020; Accepted 01 November 2020; Available online 01 December 2020

Abstract: Women have become a very important source of energy in the construction industry. Nowadays, women have wide opportunities to hold various positions in the job market. However, it also exposes female workers to the risk of sexual harassment in the workplace. The objectives of this study are to identify the forms of sexual harassment committed against female personnel and to examine the effects of sexual harassment on female personnel in terms of physical, mental, and psychological. This study focuses on female personnel working in G7 contractor companies in Kota Bharu, Kelantan. Data were obtained from project managers, project engineers, quantity surveyors, site managers, site engineers and project executives using a set of questionnaires form. The number of respondents involved is 40 people. Data gained from the respondents were analyzed using software of Statiscal Package For The Social Science (SPSS). The analysis of the study shows that forms of sexual harassment occur in terms of verbal, visual, physical and psychological. It was found that the respondents have a high level of awareness about the forms of sexual harassment in term of verbal, gestures, psychological and physical. Meanwhile, the effects of sexual harassment covering three parts namely physical, mental and psychology. An example of a physical aspect is decreased work performance. Examples for mental aspect and psychology are experienced trauma and emotional as well as not enthusiastic. This study provides knowledge to women to always be vigilant and emphasize the safety and health aspects while at work so as not to fall victim to sexual harassment.

Keywords: Sexual Harassment, Personnel, Women, Forms, Effects

Abstrak: Kaum wanita telah menjadi sumber tenaga yang sangat penting dalam industri pembinaan. Wanita kini mempunyai peluang yang luas untuk memegang pelbagai jawatan untuk memasuki pasaran kerja. Akan tetapi, hal ini juga mendedahkan pekerja-pekerja wanita kepada risiko gangguan seksual di tempat kerja. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan terhadap personel wanita dan mengkaji kesan gangguan seksual terhadap personel wanita dari segi fizikal, mental, dan psikologi. Kajian ini memfokuskan kepada personel wanita yang bekerja di syarikat kontraktor G7 di daerah Kota Bharu, Kelantan. Data diperoleh daripada pengurus projek, jurutera projek, juru ukur bahan, pengurus tapak, jurutera tapak dan eksekutif projek dengan menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk. Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 40 orang. Hasil dapatan kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) dan mendapati bentuk-bentuk gangguan seksual berlaku dari segi lisan, visual, fizikal dan psikologi. Didapati para responden mempunyai tahap kesederan yang tinggi terhadap bentuk-bentuk gangguan seksual iaitu dari segi lisan, dari segi isyarat, segi visual, segi psikologi dan segi fizikal. Manakala bagi kesan gangguan seksual meliputi tiga bahagian iaitu fizikal, mental dan psikologi. Dari segi fizikal contohnya prestasi kerja menurun, manakala segi mental pula mengalami trauma dan emosi. Bagi segi psikologi pula contohnya tidak bersemangat. Kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada kaum wanita agar sentiasa berwaspada dan menekankan aspek keselamatan dan kesihatan semasa di tempat kerja supaya tidak menjadi mangsa gangguan seksual.

Kata kunci: Gangguan Seksual, Personel, Wanita, Bentuk, Kesan

1. Pengenalan

Industri pembinaan merupakan industri terbesar di dunia dengan pecahannya kepada 7 peratus (7%) adalah daripada jumlah pekerjaan dunia dan 28 peratus (28%) pekerjaan perindustrian, menjadikannya bahagian penting dalam infrastruktur dan pembangunan perindustrian. Di peringkat global, industri pembinaan menyumbang kira-kira 1/3 daripada pembentukan modal kasar dan merupakan penjana yang penting bagi pembangunan ekonomi melalui pembinaan seperti rumah, jalan raya, rangkaian utiliti, sekolah dan klinik (Vanita, 2012).

Pada masa kini, wanita telah menjadi sumber tenaga yang sangat penting dalam semua sektor industri seperti perkhidmatan, perindustrian, pembinaan dan pertanian. Berdasarkan kepada statistik utama tenaga buruh, Malaysia, suku pertama 2018, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) perempuan naik 0.3 mata peratus mencapai 55.1 peratus pada suku pertama 2018. KPTB perempuan dalam pasaran buruh bagi kumpulan umur '*prime age*' iaitu 25-34 tahun (74.4%), 35-44 tahun (66.3%) dan 45-54 tahun (58.3%) adalah lebih tinggi berbanding KPTB perempuan di peringkat nasional (Kementerian Kewangan 2017).

Projek pembinaan sinonim dengan suasana atau keadaan yang berbahaya, memerlukan masa yang cepat untuk menyiapkan projek (faktor tekanan masa), melibatkan tugas yang banyak, perlu membuat keputusan dengan cepat, menyumbang kepada pelbagai pencemaran dan berisiko kepada semua pekerja yang terlibat di tapak pembinaan (Aina Mardia, 2018). Keadaan di tapak pembinaan yang panas, kering dan berlecek ketika hujan boleh menyebabkan timbul tekanan perasaan dalam kalangan pekerja di tapak pembinaan, terutamanya dalam kalangan wanita. Selain, tekanan perasaan boleh berlaku akibat daripada gangguan daripada golongan pekerja lelaki yang kebiasannya gangguan adalah berunsur seks (Aina Mardia, 2018).

1.1 Latar Belakang Kajian

Wanita yang bekerja dalam bidang pembinaan memerlukan fizikal yang stabil selain menjadikan mereka lasak, bergerak aktif dan berani berinteraksi di persekitaran yang kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan lelaki (Berita Harian, 2018). Suasana tempat kerja yang terdedah kepada persekitaran yang berbahaya dan terbuka, menimbulkan satu perasaan yang tidak selesa dalam kalangan personel wanita dan akhirnya membawa kepada tekanan perasaan di tempat kerja (Salehuddin, 2017).

Isu tekanan perasaan di kalangan wanita bukanlah perkara asing. Malah ianya telah sebatu dalam dunia pekerjaan, apatah lagi industri pembinaan (Salehuddin, 2017). Keadaan dalam pelaksanaan sesebuah projek pembinaan ini boleh memberi risiko kepada wanita untuk mengalami masalah gangguan seksual di tempat kerja samaada di pejabat mahupun di tapak pembinaan kerana majoriti yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembinaan adalah golongan pekerja lelaki. Antara contoh gangguan seksual terhadap pekerja wanita ialah sering memanggil nama ketika pekerja wanita masuk ke tapak pembinaan bagi melakukan pemeriksaan dan memandang pekerja wanita tersebut dengan pandangan ingin memikat (Aina Mardia, 2018).

1.2 Pernyataan Masalah

Pekerja wanita seringkali berhadapan dengan masalah gangguan seksual tidak kira daripada rakan sekerja, pihak atasan mahupun pekerja buruh di tapak pembinaan. Menurut Rahim (2014), tinjauan telah dilakukan terhadap 23 buah negara yang dibuat oleh Organisasi Perburuhan Antarabangsa (International Labour Organization atau ILO) mendapati antara 15 peratus (15%) hingga 70 peratus (70%) pekerja wanita di negara-negara tersebut telah mengalami gangguan seksual.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga menunjukkan seramai 961 pekerja wanita menjadi mangsa dengan jumlah keseluruhan dalam tempoh lima tahun adalah 1,218 kes (Berita Harian, 2018). Terdapat kes yang dilaporkan di Mahkamah Perusahaan yang melibatkan kes gangguan seksual terhadap pekerja wanita, melibatkan seorang eksekutif wanita yang dipecat ketika masih dalam tempoh percubaan. Hasil siasatan mendapati bahawa punca pemecatan berlaku apabila mangsa mendakwa telah mengalami gangguan seksual yang dilakukan oleh dua orang pekerja syarikat tempat beliau bekerja (Malaya, 2012). Menurut Mahkamah Perusahaan Award No.1807/2006, menerangkan terdapat satu gangguan seksual terhadap wanita iaitu perbuatan menyentuh buah dada kanan mangsa. Perbuatan ini merupakan satu kesalahan yang sangat serius dan tidak beretika lebih-lebih dalam kalangan masyarakat Asia (Malaya, 2012).

Kesimpulannya, masalah gangguan seksual terhadap golongan wanita di tempat kerja memang berlaku dan industri pembinaan tidak terkecuali. Masalah ini wajar diberi perhatian dan diambil tindakan supaya dapat menanganinya daripada memberi kesan yang tidak baik terhadap industri pembinaan.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini mengutarakan persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Apakah bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan terhadap personel wanita?.
- 2) Apakah kesan gangguan seksual terhadap personel wanita dari aspek fizikal, mental dan psikologi?.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terdiri daripada dua iaitu:

- 1) Mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan terhadap personel wanita.
- 2) Mengkaji kesan gangguan seksual terhadap personel wanita dari aspek fizikal, mental, dan psikologi.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian mengenai masalah gangguan seksual dalam kalangan wanita dalam industri pembinaan amat penting bagi memberi input dan pengetahuan kepada pekerja mengenai tingkahlaku gangguan seksual dan kesannya terhadap pekerja wanita. Dari sudut akademik, kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik masa hadapan dan pelajar-pelajar program pembinaan. Kajian ini dapat meningkatkan kefahaman tentang bentuk-bentuk gangguan seksual dan kesannya kepada pekerja wanita. Diharap cadangan yang dikemukakan bagi mengatasi masalah gangguan seksual di tempat kerja dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan.

1.6 Skop Kajian

Kajian memfokuskan kepada personel wanita yang bekerja dalam industri pembinaan di sekitar daerah Kota Bharu, Kelantan. Responden kajian terdiri daripada kumpulan profesional iaitu pengurus projek, pengurus tapak, juruukur bahan, jurutera tapak, eksekutif projek dan jurutera projek. Kumpulan profesional ini dipilih kerana golongan ini kebiasaannya lebih terdedah atau sering bergaul dengan golongan lelaki di tempat kerja (Aina Mardia, 2018). Pemilihan kumpulan tersebut sebagai responden kajian juga memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian.

2. Kajian Literatur

Bahagian ini membincangkan tentang bentuk-bentuk gangguan seksual terhadap personel wanita dan kesan gangguan seksual terhadap personel wanita dari segi fizikal, mental dan psikologi.

2.1 Konsep Gangguan Seksual

Menurut Rahim (2014), gangguan seksual adalah merupakan perlakuan lucuh yang tidak direlakan oleh mangsa. Gangguan seksual adalah suatu keadaan yang tidak boleh diterima baik secara lisan, fizikal atau isyarat seksual atau keterangan secara seksual bersifat diskriminasi dibuat oleh seseorang yang mengganggu individu lain. Keadaan ini menyebabkan mangsa berasa terancam, dihina, dipermalukan, dicabul maruah atau melemahkan situasi suasana kerjanya atau memberi ancaman di sesuatu tempat. Manakala Kramer (2016), mengaitkan gangguan seksual dengan perilaku pekerja lelaki yang berbentuk seksual dan biasanya atas dasar kuasa jawatan yang disandang oleh lelaki berkenaan.

Menurut Malaya (2012), Kod Amalan Malaysia 1999 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia, Malaysia, gangguan seksual ditakrifkan sebagai kelakuan seks yang tidak diinginkan sifat yang mempunyai kesan lisan, bukan lisan, visual, gangguan psikologi atau fizikal yang mungkin, pada alasan yang munasabah, dirasakan oleh penerima sebagai meletakkan keadaan sifat seksual pada dirinya pekerjaan; atau mungkin atas dasar yang munasabah, penerima gangguan seksual merasa sebagai suatu kesalahan atau penghinaan, atau ancaman kepada kesejahteraan dirinya kerana apa yang dilakukan oleh pelaku itu tidak berkaitan dengan bidang pekerjaannya.

2.2 Bentuk-bentuk Gangguan Seksual

(a) *Gangguan secara lisan*

Ianya merujuk kepada kata-kata, komen, gurauan, usikan bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan seksual. Gangguan secara lisan adalah satu permulaan gangguan seksual. Contohnya, pengganggu seksual sering memuji mangsa dengan menyatakan mangsa mempunyai tubuh

badan yang cantik dan pengganggu tersebut mengaku bahawa dia tergodanya. Ini secara tidak langsung berlakunya gangguan seksual secara lisan (Berita Harian 2016).

(b) Gangguan secara isyarat

Ianya seperti pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan seperti menjilat bibir atau memegang atau memakan makanan dengan cara yang menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks dan tingkah laku mengurag yang berterusan (Williams 2015).

(c) Gangguan secara visual

Ianya bermaksud menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menulis surat berunsur seksual dan mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya didedahkan. Contohnya, si pengganggu menghantar mesej-mesej, video-video ataupun gambarnya sendiri yang berunsur lucah ke telefon pintar mangsa (Berita Harian 2016).

(d) Gangguan secara psikologi

Ianya seperti mengulangi jempunan sosial yang telah tidak diterima dan memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan. Pengganggu akan terus merayu untuk keluar bersama sehingga mencapai apa yang dimahukan (Eksan 2014).

(e) Gangguan secara fizikal

Antara jenis-jenis gangguan fizikal adalah sentuhan yang tidak diingini, menepuk, mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium dan serangan seksual. Gangguan fizikal boleh berlaku secara tidak sedar, contohnya si pengganggu seksual tersebut dalam keadaan bergurau telah menampar dan mencubit mangsa (Berita Harian 2016).

2.3 Kesan Gangguan Seksual Terhadap Wanita

Gangguan seksual boleh memberi kesan yang tidak baik kepada mangsa. Kesan-kesannya adalah seperti berikut:

(a) Kesihatan Mental Terjejas

Mangsa akan mengalami gangguan fikiran, perasaan takut apabila berseorangan dan merasa lemah (powerlessness) apabila terserempak dengan pengganggu seksual yang berkenaan (Lussier, 1996). Menurut Ismail et al., (2001), mangsa yang mengalami trauma dan emosi akan menyebabkan mangsa hilang tumpuan kerja dan juga hilang minat terhadap kerjayanya. Malah, berkemungkinan juga mangsa akan mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

(b) Kesihatan Fizikal Terjejas

Menurut Ismail (2001), sesetengah mangsa mengadu mengalami sakit kepala, hilang selera makan, hilang minat terhadap seks dan nausea (rasa sakit perut seperti muntah). Apabila berada dalam keadaan begini, mangsa akan beralih kepada gaya hidup yang tidak sihat seperti mengambil alkohol dan dadah bagi mengurangkan tekanan yang dialami. Para penyelidik menyimpulkan bahawa jika wanita terdedah kepada gangguan jantina yang berulang-ulang, dan tekanan fizikal yang dihasilkan, mereka mungkin berisiko untuk menghadapi masalah kesihatan jangka panjang yang serius (Williams 2015).

(c) Kesan Psikologi

Dari segi psikologi, mangsa mengadu hilang rasa keyakinan diri, tidak selamat di tempat kerja, ketegangan, berasa gementar, memendam perasaan marah, takut, malu serta hina dengan tindakan

negatif yang dikenakan terhadap diri mereka secara personal, pekerjaan, kesihatan atau pilihan kerjaya. Ada juga mangsa yang menunjukkan psikologi yang serius seperti yang dialami oleh mereka yang dirogol (Ismail, 2001). Kesan psikologi tersebut selalunya akan mempengaruhi mutu kerja mangsa. Antaranya mereka akan hilang motivasi untuk bekerja kerana takut untuk bersuara, hilang keyakinan diri dengan pencapaian dan kebolehan yang ada, mutu kerja juga menurun kerana tidak mampu untuk memberi perhatian sepenuhnya seterusnya peningkatan kerjaya juga akan terhambat. Selain itu, mereka akan hilang minat untuk meneruskan kehidupan dan akhirnya ada yang menganbil keputusan untuk membunuh diri.

3. Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan tentang kaedah pengumpulan data kajian untuk mencapai tujuan dan objektif kajian yang telah dikenalpasti. Penerangan bahagian ini adalah sepertimana berikut:

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara soal selidik bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Soal selidik dilakukan terhadap responden terpilih di kawasan kajian yang dipilih menggunakan borang soal selidik yang dibentuk berdasarkan kepada keperluan kajian. Maklum balas yang diperolehi daripada responden menerusi borang soal selidik tersebut seterusnya dianalisa dan dibincangkan sebelum kesimpulan dan cadangan terhadap kajian dapat dilakukan.

3.2 Pengumpulan data

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah menerusi dua kaedah iaitu data secara primer dan data secara sekunder.

(a) *Data Primer*

Data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul bagi menjawab persoalan kajian. Data primer adalah data yang diperolehi daripada hasil kajian iaitu hasil soalan soal selidik (Yusof 2013). Bagi kajian ini, satu set borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terpilih. Borang soal selidik dibangunkan dalam dua kaedah iaitu menggunakan Microsoft Office Word dan google form. Borang soal selidik yang dibangunkan dalam versi *Word* diedarkan melalui kaedah secara bersemuka, menerusi email dan juga menerusi penggunaan aplikasi WhatsApp. Manakala, bagi borang soal selidik yang dibangunkan menggunakan google form diedarkan secara email dan juga WhatsApp.

(b) *Data Sekunder*

Data bagi kajian ini adalah hasil daripada kajian menggunakan rujukan daripada buku-buku ilmiah di perpustakaan UTHM, rujukan jurnal-jurnal atas talian, tesis-tesis pelajar terdahulu, dokumen-dokumen yang didapati melalui sumber-sumber yang berkaitan seperti dokumen Rang Undang-undang. Ianya dikenali sebagai data yang dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji lain. Data yang diperolehi daripada buku rujukan, jurnal dan bahan-bahan bercetak lain seperti majalah, suratkhbar dan sebagainya adalah data sekunder (Chua, 2006). Data-data yang diperolehi dipilih terlebih dahulu sebelum digunakan dan hanya data berkaitan kajian sahaja yang digunakan. Data-data hanya berkaitan dengan bidang pembinaan, wanita, tekanan perasaan dan gangguan seksual.

3.3 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bagi mencari kelemahan serta menambahbaik kekurangan pada borang soal selidik yang telah dihasilkan. Contohnya seperti arahan tidak jelas, soalan tidak difahami, dan soalan

yang lemah. Kajian rintis adalah fasa terakhir dalam membuat tinjauan sebelum proses pengumpulan data bermula (Aina Mardia 2018). Bagi kajian ini, seramai 5 orang responden yang terlibat dalam kajian rintis ini iaitu terdiri daripada penyelidik pasca siswazah dan juga pekerja dalam industri pembinaan. Maklum balas yang diterima daripada responden tersebut berkenaan borang soal selidik yang telah dibentuk ialah sangat baik dan tiada isu berkenaan soalan yang telah dibentuk. Kesemua responden tersebut memahami soalan dan mudah menjawab soalan dalam borang soal selidik yang dibentuk. Soalan yang dibentuk adalah berpandukan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan.

3.4 Analisis Data

Data yang diperolehi daripada responden dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20. Analisis data dilakukan dengan membandingkan data yang diperolehi dengan kajian lepas dan mengenalpasti bentuk-bentuk yang menyumbang kepada masalah gangguan seksual dan juga faktor demografi. Hasil penganalisaan data dipersembahkan dalam bentuk carta dan jadual. Analisis data kajian adalah secara deskriptif. Kajian data deskriptif melibatkan data keseluruhan populasi dan analisis umum yang digunakan adalah frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan taburan skor dalam membentangkan laporan (Ang 2016).

4. Analisis Data Dan Perbincangan

Data bagi tujuan analisa ini diperolehi daripada responden kajian yang telah dikenalpasti di daerah Kota Bharu, Kelantan. Responden diminta untuk mengisi maklumat berkaitan latar belakang responden, bentuk-bentuk gangguan seksual dan kesan gangguan seksual dari segi fizikal, mental dan psikologi terhadap personel wanita dalam industri pembinaan. Jadual 1 menunjukkan hasil soal selidik yang dijalankan terhadap responden yang telah dikenalpasti di kawasan tersebut.

Jadual 1: Maklumbalas Borang Soal Selidik

Borang Soal Selidik	Jumlah	Peratus
Jumlah diedarkan	103	100%
Jumlah diterima	40	39%
Jumlah rosak	0	0%
Jumlah tidak diterima	63	61%


Jadual 1 menunjukkan seramai empat puluh (40) orang responden iaitu 39% yang telah memberi maklumbalas terhadap borang soal selidik kajian. Jumlah tersebut adalah mencukupi bagi tujuan kajian.

4.1 Latar belakang responden


Maklumat Latar belakang responden adalah maklumat berkaitan jawatan, pendidikan, pengalaman bekerja dalam syarikat semasa serta status. Hasil analisis data menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian iaitu jurutera tapak adalah sebanyak 36%, pengurus tapak sebanyak 18%, pengurus projek dan juruukur bahan adalah 15%, jurutera projek 13% dan eksekutif projek adalah sebanyak 3%.

Bagi kategori tahap pendidikan responden, terdapat 5 tahap yang terlibat iaitu ijazah sarjana muda sebanyak 75%, diploma sebanyak 15%, sarjana 8%, Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM adalah sebanyak 2% dan pasca ijazah 0%. Manakala, pengalaman bekerja dalam syarikat terdiri daripada 4 kategori.


Hasil analisis bagi bahagian tersebut mendapati hampir separuh responden bekerja dalam syarikat kurang dari tempoh 5 tahun adalah sejumlah 91%, dan pengalaman dari tempoh 6 hingga 10 tahun adalah 5%. Bagi tempoh 11 hingga 15 tahun adalah sebanyak 3% dan pengalaman lebih 16 tahun adalah 1%. Bagi kategori status pula, bujang adalah sebanyak 80%, berkahwin 20% dan berpisah 0%. Rajah 1 sehingga Rajah 4 menunjukkan hasil maklumat latar belakang responden secara ringkas.




Rajah 1: Jawatan



Rajah 2 : Tahap Pendidikan



Rajah 3 : Pengalaman bekerja dalam syarikat



Rajah 4 : Tahap pendidikan

4.2 Bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan terhadap personel wanita

Jadual 2 menunjukkan hasil min bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan terhadap personel wanita.

Jadual 2: Min bentuk-bentuk gangguan seksual

Kod	Bentuk-bentuk gangguan seksual	Min	Kekerapan
B3	Ditenung, dilirik dengan pandangan berunsur lucah	4.00	Tinggi
B5	Pelaku bergurau senda dengan menggunakan perkataan lucah	3.82	Tinggi
B4	Sentuhan secara fizikal seperti menyentuh tangan	3.73	Tinggi
B8	Ditegur dengan perkataan berunsur seks mengenai fizikal	3.73	Tinggi

B7	Menunjukkan bahan-bahan lucuh	3.50	Tinggi
B11	Menerima panggilan berunsur seks	3.45	Sederhana
B2	Ditegur berbau manis dan wangi	3.45	Sederhana
B9	Gangguan seksual juga dilakukan secara psikologi seperti memujuk rayu untuk keluar bersama	3.43	Sederhana
B6	Dipeluk secara tiba-tiba dari belakang	3.38	Sederhana
B10	Dicium secara tiba-tiba	3.35	Sederhana
B14	Mangsa dipaksa secara lisan atau fizikal melakukan hubungan seks	3.32	Sederhana
B12	Dicubit secara tiba-tiba pada bahagian peha	3.30	Sederhana
B13	Menerima surat berunsur seks	3.28	Sederhana
B15	Menggesel badan mangsa	3.28	Sederhana
B1	Ditepuk dari belakang	3.18	Sederhana
B16	Mengulangi jemputan sosial yang tidak diterima	2.88	Sederhana
B17	Memujuk rayu berterusan	2.87	Sederhana

Berdasarkan Jadual 2, ditenung, dilirik dengan pandangan berunsur lucuh (Kod B3) mencatatkan min tertinggi iaitu 4.00. Kebiasaannya, sebelum bentuk-bentuk gangguan seksual lain dilakukan, mangsa akan ditenung, dilirik dengan pandangan berunsur lucuh seperti ditenung dengan lama, memberi pandangan yang mengghairahkan terhadap tubuh badan mangsa seperti buah dada. Keadaan ini akan menimbulkan rasa tidak selesa terhadap mangsa. Manakala min yang paling rendah iaitu 2.87 menunjukkan bahawa responden kurang bersetuju bahawa memujuk rayu berterusan (Kod B17) merupakan bentuk gangguan seksual.

Menurut Rahman (2004), terdapat beberapa kes yang telah dilaporkan di Mahkamah Perusahaan yang melibatkan kes gangguan seksual terhadap pekerja wanita. Kes ini adalah melibatkan seorang eksekutif wanita yang dipecat ketika masih dalam tempoh percubaan. Namun, pelaku tidak mengaku bersalah. Sebaliknya, mahkamah memberi nasihat kepada wanita tersebut untuk menjaga cara pemakaian dan tidak memakai pakaian yang mencolok mata. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan bentuk gangguan seksual seperti ditenung, dilirik dengan pandangan berunsur lucuh ini. Kerana cara berpakaian yang tidak menepati etika di tempat kerja boleh mengundang kepada tercetusnya gangguan berunsur seksual. Menurut Williams (2015), gangguan seksual sebagai tingkah laku lelaki yang tidak diundang atau tidak dikehendaki yang menekankan peranan wanita, contohnya seperti perbuatan merenung, memberi komen, atau menyentuh badan, meminta kerelaan bagi tingkahlaku seksual, cadangan untuk bertemujanji secara berulang kali, mendesak untuk mengadakan hubungan seks dan rogol.

4.3 Kesan Gangguan Seksual Terhadap Personel Wanita

Jadual 3,4 dan 5 di bawah menunjukkan min kesan gangguan seksual terhadap personel wanita yang terdiri dari kesan fizikal, mental dan psikologi.

(a) Aspek fizikal

Jadual 3: Min kesan gangguan seksual dari aspek fizikal

Kod	Kesan fizikal	Min	Kekerapan
CA6	Prestasi kerja menurun	3.80	Tinggi

CA5	Penurunan berat badan	3.57	Tinggi
CA2	Ketidakupayaan untuk tidur	3.55	Tinggi
CA4	Kehilangan selera makan	3.53	Tinggi
CA3	Mengalami keletihan	3.50	Tinggi
CA8	Badan menjadi lesu	3.25	Tinggi
CA1	Mengalami sakit kepala	3.08	Tinggi
CA7	Merasa loya dan muntah	3.03	Tinggi

Merujuk kepada Jadual 3, hampir keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan prestasi kerja menurun (Kod CA6) adalah kesan daripada gangguan seksual tersebut. Nilai min bagi kesan tersebut adalah tinggi iaitu 3.80. Menurut Ismail (2001), mangsa yang mengalami trauma dan emosi akan menyebabkan mangsa hilang tumpuan kerja dan juga hilang minat terhadap kerjayanya. Malah, berkemungkinan juga mangsa akan mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Di samping itu, mereka juga mengalami gangguan dan kehilangan hubungan penting samaada di tempat kerja, di luar tempat kerja atau dengan komuniti. Ini termasuklah seperti mempunyai hubungan yang tegang dengan rakan sekerja atau dengan keluarga, hubungan sosial termasuk hubungan intim antara suami dan isteri. Kesannya, wanita tidak dapat mengembangkan kerjayanya dan juga menghalangnya daripada mengikuti program latihan untuk kenaikan pangkat. Kesan fizikal dengan nilai min yang paling sedikit adalah CA7 iaitu merasa loya dan muntah dengan nilai min 3.03.

(b) *Aspek mental*

Jadual 4: Min kesan gangguan seksual dari aspek mental

Kod	Kesan mental	Min	Kekerapan
CB12	Mengalami trauma dan emosi	4.20	Tinggi
CB14	Mengalami kemurungan	4.18	Tinggi
CB13	Hilang minat terhadap pekerjaan	4.15	Tinggi
CB10	Takut apabila berseorangan	4.13	Tinggi
CB16	Mengasingkan diri di tempat kerja	4.08	Tinggi
CB20	Merasa gelisah apabila berhadapan dengan pelaku	4.08	Tinggi
CB11	Merasa lemah apabila terserempak dengan pelaku	4.03	Tinggi
CB9	Mengalami gangguan fikiran	3.95	Tinggi
CB18	Mengalami kebimbangan kerana diganggu secara berterusan	3.88	Tinggi
CB15	Takut menaiki pengangkutan awam	3.88	Tinggi
CB17	Takut berada di tempat awam	3.82	Tinggi
CB19	Menyimpan dendam terhadap pelaku	3.68	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan nilai min yang tertinggi adalah CB12 iaitu mengalami trauma dan emosi dengan nilai min adalah 4.20. Menurut Ismail (2001), Dari segi psikologi, mangsa mengadu hilang rasa

keyakinan diri, tidak selamat di tempat kerja, ketegangan, berasa gemetar, memendam perasaan marah, takut, malu serta hina dengan tindakan negatif yang dikenakan terhadap diri mereka secara personal, pekerjaan, kesihatan atau pilihan kerjaya. Ada juga mangsa yang menunjukkan psikologi yang serius seperti yang dialami oleh mereka yang dirogol. Wanita yang mengalami tahap diskriminasi yang lebih tinggi juga menunjukkan peningkatan contoh psikiatri, somatisasi, kemurungan dan kecemasan psikiatri berbanding lelaki sedangkan wanita yang mempunyai sedikit diskriminasi mungkin menjadi penyebab utama perbezaan jantina yang sering dilaporkan dalam penyakit psikiatri (Tyler, 2019).

(c) *Aspek psikologi*

Jadual 5: Min kesan gangguan seksual dari aspek psikologi

Kod	Kesan psikologi	Min	Kekerapan
CC22	Tidak bersemangat	4.55	Sangat Tinggi
CC21	Ketidakpuasan terhadap kerja	4.45	Tinggi
CC23	Kurang motivasi diri	4.05	Tinggi
CC27	Ingin berhenti kerja	3.97	Tinggi
CC25	Perasaan rendah diri	3.95	Tinggi
CC26	Berani untuk ponteng kerja	3.88	Tinggi
CC24	Kecelaruan identity	3.25	Tinggi
CC28	Ingin bunuh diri	3.03	tinggi

Berdasarkan kepada Jadual 5, nilai min tertinggi adalah 4.55 bagi faktor tidak bersemangat (Kod CC22) dan kedua tertinggi ialah 4.45 iaitu ketidakpuasan terhadap kerja. Manakala bagi nilai min paling sedikit adalah bagi faktor ingin bunuh diri (Kod CC28) dengan nilai min sebanyak 3.03. Hampir keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan tidak bersemangat. Kesan gangguan seksual menyebabkan mangsa tidak bersemangat untuk melakukan kerja. Mangsa boleh hilang motivasi untuk bekerja kerana takut untuk bersuara, hilang keyakinan diri dengan pencapaian dan kebolehan yang ada, mutu kerja juga menurun kerana tidak mampu untuk memberi perhatian sepenuhnya. Keadaan ini boleh menyebabkan terhalangnya peningkatan dalam kerjaya mangsa.

Wanita yang mengalami gangguan seksual juga mengalami kerugian. Mereka sering kehilangan harga diri, keyakinan diri dan kecekapan mereka, dan mereka sering melaporkan kehilangan motivasi atau semangat untuk kerja mereka. Apabila wanita mengalami gangguan seksual di tempat kerja, hasil yang terjadi kepada mereka termasuklah penurunan kepuasan kerja, penarikan diri dari organisasi mereka (iaitu, menjauhkan diri dari kerja sama ada secara fizikal atau mental tanpa benar-benar berhenti, mempunyai pemikiran atau niat meninggalkan pekerjaan mereka, dan sebenarnya meninggalkan pekerjaan mereka), menurunkan komitmen organisasi (iaitu, merasa kecewa atau marah dengan organisasi), peningkatan tekanan kerja dan menurunkan produktiviti atau prestasi (Huffington, 2013). Kesannya, apabila mereka tidak bersemangat, wujudnya perasaan ketidakpuasan terhadap kerja kerana mutu kerja yang dihasilkan tidak setanding dengan yang diharapkan oleh diri sendiri, orang sekeliling dan syarikat itu sendiri.

5. Kesimpulan

Objektif kajian ini telah berjaya dicapai melalui penggunaan kaedah kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini telah mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual terhadap personel wanita dan

kesan-kesan gangguan seksual dari aspek fizikal, mental dan psikologi. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna dan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam industri pembinaan terutama kepada golongan pekerja wanita. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi gambaran kepada pihak yang terlibat dalam industri tentang risiko gangguan seksual yang boleh membawa keburukan kepada bukan sahaja individu malahan juga kepada organisasi atau syarikat.

Penghargaan

Kajian ini dilakukan dengan kerjasama yang baik di kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari pelbagai fakulti. Terima kasih kepada semua pihak yang membantu, terutama Lotus Design & Services, Taman Pulau Hijauan, Kangkar Pulau, Johor.

Rujukan

- Ainul Mardia (2018). Tahap Kesedaran Pekerja Dan Hubungannya Dengan Salah Laku Gangguan Seksual Di Tempat Kerja. Nilai Kemanusiaan: Isu Dan Cabaran, 1–13.
- Ang, K. H. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 1, Issue 1*, page 17 - 23.
- Berita Harian, (2018). Cabar Diri Ceburi Kerjaya Lasak. 1–7.
- Berita Harian, (2017). Tekanan Perasaan Punca Kemalangan Pekerja Berita Berkaitan. (November 2017), 1–7.
- Berita Harian, (2016). Kes Gangguan Seksual 2015 Makin Meningkat.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi 2. Mc Graw Hill, Education. Malaysia.
- Eksan, M. H. BIN. (2014). Gangguan Seksual Di Tempat Kerja.
- Huffington, C. (2013). *Women Stress More Than Men In The Workplace*. *Huffington Post*, 1–6. Retrieved from http://www.huffingtonpost.com/2013/03/05/stress-at-work_n_2812035.html
- Kramer, A. S., & Harris, A. B. (2016). *Why Women Feel More Stress at Work*. *Harvard Business Review*, (August), 2–6.
- Ismail*, Z., Mohd., A. M. H., & Achro, M. (2001). Gangguan Seksual Di Tempat Kerja: Definisi, Kesan Dan Langkah Mengatasinya Zakaria. *Gangguan Seksual Di Tempat Kerja: Definisi, Kesan Dan Langkah Mengatasinya Zakaria*, 1–12. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(01\)85242-9](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(01)85242-9)
- Kementerian Kewangan. (2017). Laporan Ekonomi 2017/2018. 1–123. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Malaya, B. A. G. S. U. (2012). *Kod Amalan untuk Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual di Universiti Malaya 1*. 1–50.
- Rahim, A. A. (2014). *Gangguan seksual di tempat kerja dan tekanan kerja di sebuah syarikat perkilangan di johor bahru aniza binti abd rahim universiti teknologi malaysia*.
- Rahman, H. A. B., Ashari, H., Khalid, A. M., Hj, H., Kadir, A., Pembangunan, J., Sumber, D. A. N. (2004). *Sexual Harassment in work place : A study on victims dan harassers in Johor Bahru, Johor. Sexsual Harassment*.
- Salehuddin (2017). *Kesan Tekanan Kerja: Tinjauan dalam Perspektif Kecerdasan Emosi*. 12,
- Tyler. (2019). *Is It Time for More Women in the Construction Industry? 2016*, 1–7. Retrieved from <https://esub.com/is-it-time-for-more-women-in-the-construction-industry/>
- Williams, M. (2015). *Where are all the women? Why 99% of construction site workers are male*. 2–4. Retrieved from <http://www.theguardian.com/careers/careers-blog/2015/may/19/where-are-all-the-women-why-99-of-construction-site-workers-are-male>
- Yusof, R. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial (Social Science Research)*. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributors (Malay Version). 24–27.